



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.99/ 2018

62 CALON GAGAL SERAH PENYATA PERBELANJAAN PILIHAN RAYA UMUM KE-14 (PRU-14)

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menerima sebanyak 687 pencalonan bagi kerusi Parlimen dan 1,646 pencalonan bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14).
2. SPR ingin memaklumkan bahawa sehingga tarikh akhir penyerahan penyata perbelanjaan PRU-14 pada 28 Jun 2018 lalu, seramai 62 orang calon PRU-14 gagal menyerahkan penyata mereka. Jumlah ini meliputi 14 orang calon bagi bahagian pilihan raya Parlimen dan 48 orang calon bagi bahagian pilihan raya DUN.
3. Akta Kesalahan Pilihan Raya (AKPR) 1954 menetapkan bahawa calon-calon yang bertanding atau ejen pilihan rayanya hendaklah menyerahkan penyata perbelanjaan pilihan raya kepada Pengarah Pilihan Raya Negeri dalam tempoh 31 hari selepas tarikh keputusan PRU-14 yang diwartakan pada 28 Mei 2018.
4. Sehubungan dengan itu, SPR telah membuat laporan polis terhadap calon-calon yang gagal menyerahkan penyata perbelanjaan mereka bagi tindakan lanjut mengikut undang-undang.
5. Selaras dengan Seksyen 23, AKPR 1954, kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan implikasi berikut kepada calon;
 - i) Tidak boleh menghadiri sidang atau mengundi dalam Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri;

- ii) Tidak boleh menyertai mana-mana pilihan raya selama tempoh lima tahun;
- iii) Boleh didakwa dan diambil tindakan atas perbuatan yang menyalahi undang-undang.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 17 Disember 2018 / 9 Rabiul Akhir 1440H